



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
NOR-DIN BIN YUSOFF  
TOKOH SENI DIKIR BARAT

OLEH:

TENGKU ISMA FADHLI BIN TENGKU ISMAIL 2013363655

SUMIYYAH BINTI KAMARUZAMAN 2012129537

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015- JULY 2015)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
NOR-DIN BIN YUSOFF  
TOKOH SENI DIKIR BARAT**

**OLEH:**

**TENGKU ISMA FADHLI BIN TENGKU ISMAIL      2013363655  
SUMIYYAH BINTI KAMARUZAMAN      2012129537**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015- JULY 2015)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah S.W.T atas dengan izinnya kami akhirnya dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak nafikan terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi semasa dalam menyiapkan projek ini samada sebelum ataupun selepas sesi menemubual bersama tokoh, namun berkat usaha dan kesabaran serta pertolongan dari Nya, kami dapat mengatasi segala masalah dengan baik dan jayanya.

Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan sekalung perhargaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan], Puan Nurulannisa bt Abdullah yang telah mencerahkan segala ilmu dan tunjuk ajar kepada kami serta tidak lelah dalam membantu kami dalam menyiapkan projek ini sehingga lengkap.

Setinggi tinggi penghargaan juga diucapkan kepada tokoh yang kami hormati iaitu Nor-din Bin Yusoff atas kesudian beliau untuk di temuramah serta bekerjasama dalam berkongsi ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Akhir kata, kami juga tidak lupa mengucapkan sekalung terima kasih kepada ibu bapa kami serta rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dalam memberi teguran, nasihat serta tunjuk ajar dalam proses menghasilkan dan menyiapkan projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** *temubual ini mengandungi temubual bersama Encik Nor-Din Bin Yusof mengenai kerjaya beliau sebagai bergelar tokoh dikir barat. Transkrip temubual ini di jalankan di ruang tamu rumah Encik Nor-Din Bin Yusof beliau di kampung wakaf tanjung chepa, kubang kerian, Kelantan pada 14 mei 2015 pada jam 2.00 petang sehingga 3.30 petang. Beliau merupakan tokoh yang berkecimpung dalam bidang seni dikir barat yang berjaya serta mashur dari awal pembabitan beliau dalam bidang seni dikir barat dari tahun 1980 sehingga 2015 iaitu selama 35 tahun. Temubual ini menumpukan mengenai kerjaya dan pengalaman beliau sepanjang berkecimpung dalam seni dikir barat samada di dalam Negara mahupun di luar Negara.*

**Kata kunci:** *Encik Nor-Din Bin Yusof, tokoh dikir barat, bidang seni dikir barat, kerjaya, pengalaman*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

## TAJUK MUKA SURAT

## MUKA SURAT


Penghargaan.....	i
Abstrak .....	iii
Isi Kandungan .....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2-11
Bahagian 2: Kerjaya.....	12-24
Bahagian 3: Sumbangan dan Penganugerahan.....	25-41
Rujukan.....	42-43

## Lampiran

Log Wawancara.....	45
Diari Kajian.....	46-47
Senarai soalan.....	48-55
Surat Perjanjian.....	
Gambar.....	56-61
Indeks.....	62

# **BIODATA TOKOH**

# **BIODATA TOKOH**



## **1. Butir-butir peribadi**

- 1.1 Nama : Nor-din Bin Yusoff
- 1.2 Umur : 54 tahun
- 1.3 Tarikh lahir :
- 1.4 Tempat lahir : Kelantan : Berkahwin
- 1.5 Status

## **2. Pendidikan**

- i. SRP (Sijil Rendah Persekolahan)
- ii. SPM (Sijil Pendidikan Malaysia)

### **3. Perkhidmatan**

- i. Tukang Juara (tukang Jogho) dalam seni dikir barat
- ii. Penyanyi lagu-lagu daerah untuk negeri Kelantan
- iii. Finalis Kilauan Emas anjuran ASTRO media
- iv. Pernah menjadi Pengetua Rancangan Pentas Dikir 1 dalam Rancangan Pentas Dikir 1 anjuran tv1 bersama ahli dikir barat yang masyur iaitu Cikgu Sulizi , Halim Yazid dan lain-lain.

### **4. Penganugerahan**

- i. Di anugerahkan sebagai tokoh untuk Tukang Juara dalam dikir barat pada tahun 2000 untuk negeri Kelantan oleh majlis yang telah di anjurkan oleh Dato' Nik Haji Nik Mat
- ii. Memenangi tempat ke empat dalam Kilauan Emas anjuran ASTRO media

# PENGENALAN

## PENGENALAN



Dikir Barat adalah suatu permainan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan. Ianya wujud di kalangan masyarakat biasa di kampung kampung dan pinggir bandar. Di dalam persembahan Dikir Barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang Tukang karut dan Tok Juara. Mereka akan mengarut sambil berbalas - balas pantun dan diikuti oleh awak awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang. Dikir barat ini boleh dipersembahkan sebagai hiburan atau pun dipertandingkan. Permainan ini biasanya dimainkan oleh masyarakat di musim menuai padi dan juga di majlis perkahwinan. Pertandingan selalunya diadakan oleh persatuan-persatuan belia tempatan, badan-badan kerajaan ataupun orang-orang tertentu untuk mengutip wang. Dikir Barat adalah permainan yang baru jika dibandingkan dengan teater tradisional yang lain. Perkembangannya sukar diatasi kerana ianya sering menerima perubahan dari bentuk persembahannya dari masa ke semasa mengikut perkembangan zaman. Perkataan Dikir ialah hasil dari dua kombinasi seni iaitu Dikir dan pantun atau dikir dan karut. Pengertian "Karut" itu sendiri ialah dari istilah mengarut dalam bentuk pantun atau syair. Jadi Dikir Barat, Dikir Karut, Dikir pantun dan Dikir Syair adalah sama ertiinya. Walaubagaimanapun di Kelantan ianya lebih terkenal dengan Dikir Barat dan di Selatan Thai dengan Dikir Karut.

Dikir barat diperkenalkan di Tanah Melayu mulai tahun 1930 oleh anak tempatan iaitu Tuan Haji Mat Salleh b. Haji Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Mat Salleh Tape atau (Mat Leh Tape). Gelaran Tape dihujung namanya adalah panggilan mengikut nama sebuah kampung iaitu Tapang. Kemungkinan juga kebudayaan ini diasaskan beliau di Kampung Tape. Terdapat teori yang mengatakan ia dibawa masuk dari Patani di selatan Siam. Di selatan Siam ia dikenali sebagai dikir karut tetapi disebabkan perkataan karut membawa erti tidak benar menyebabkan masyarakat Kelantan menukar memanggilnya dengan nama dikir barat iaitu merujuk kepada tempat asal dikir itu.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang tokoh seni dikir barat. Berikut adalah hasil rakaman temubual bersama Encik Nor-Din Bin Yusoff mengenai kerjaya beliau sebagai bergelar tokoh dikir barat. Rakaman temubual ini di jalankan di ruang tamu rumah Encik Nor-Din Bin Yusoff beliau di kampung wakaf tanjung chepa, kubang kerian, Kelantan pada 14 mei 2015 pada jam 2.00 petang sehingga 3.30 petang menceritakan kisah dari awal pembabitan beliau dalam bidang seni dikir barat dari tahun 1980 sehingga 2015. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Tengku Isma Fadhlil Bin Tengku Ismail dan dibantu oleh Sumiyyah Binti Kamaruzaman. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

ENY: Encik Nor-Din Bin Yusoff  
TIF: Tengku Isma Fadhlil

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

TIF : Assalamualaikum, saya Tengku Isma Fadli Bin Tengku Ismail dan kawan saya Sumiyyah Binti Kamaruzaman akan menemubual Encik Nor-din dalam bidang dikir barat pada empat belas haribulan lima tahun dua ribu lima belas [14/5/2015] bertempat di rumah beliau di Kampung Wakaf Tanjung Chepa, Kubang Kerian, Kelantan.

Terima kasih encik nordin dapat bersama pada petang ini, pertama sekali saya ingin bertanya kepada encik, bolehkah encik memperkenalkan sedikit tentang diri encik?

ENY : Nama saya sebenarnya adalah Nor-din Bin Yusof, di lahirkan di kampung kenali pada tanggal *dua puluh tujuh haribulan sepuluh tahun seribu Sembilan ratus enam puluh satu* [27/10/1961] di kubang kerian, atau lebih di kenali kubang kerian di mana kelahiran seorang ulama yang terkenal yang dipaggil haji Muhammad yusoff atau di kenali tok kenali, di situlah kampung saya dan ---

TIF : **Kalau boleh saya nak tahu apakah pekerjaan encik?**

ENY : Pekerjaan saya sekarang sepenuh masa adalah sebagai penggiat seni atau lebih di kenali sebagai juara dikir ataupun penyanyi dikir barat ataupun penyanyi lagu-lagu daerah Kelantan

TIF : **Dimanakah tempat kelahiran encik?**

ENF : Di kampung kenali Kubang Kerian.

TIF : **Berapakah bilangan adik beradik encik?**

ENY : Adik beradik seramai *tiga belas* [13] orang dan saya merupakan anak sulong daripada *tiga belas* [13] adik beradik

TIF : **Adakah encik sudah berkahwin?**

ENY : Sudah berkahwin dan mempunyai *lapan* [8] orang anak, *tiga* [3] perempuan *lima* [5] lelaki

- TIF      **Apakah nama isteri encik?**
- ENY      Isteri Khairunnisa Binti Mat Dioh
- TIF      **Isteri encik berasal daripada ---?**
- ENY      Berasal daripada selatan Thailand dan merupakan suri rumah sepanjang masa
- TIF      **Pada tahun bilakah encik berkahwin?**
- ENY      Lebih kurang *enam belas* [16] tahun lepas, ni [ini] tahun *dua ribu lima belas* [2015] maknanya *enam belas* [16] tahun.
- TIF      **Kalau boleh encik berkongsi dengan kami nama anak encik daripada sulong smpai ke yang bongsu dan umur mereka.**
- ENY      Yang sulong nama Zurina yang *kedua* [2] Raziman yang *ketiga* [3] Shahrul Nizam diikuti dengan suhaimi dan Aisa, Lukman Hakim, Ahmad Maizuki ataupun haikal dan yang bongsu Siti Maznah
- TIF      **Mereka masih belajar ataupun bekerja?**
- ENY      Masih belajar, ada ramai *empat* [4] orang lagi masih belajar

- TIF      **Kalau boleh saya tahu mereka belajar di mana?**
- ENY      Mereka belajar *satu* [seorang] di pondok tahfiz rantau panjang,tinggi rantau panjang *satunya* [seorang lagi] di pengkalan chepa , *satunya* [seorangnya] di arah Matnali yang paling bongsu di sekolah kebangsaan Mentuan
- TIF      **Kalau boleh saya tahu apakah hobi encik?**
- ENY      Hobi sekarang *ni* [ini] daripada kalau *dulu* [dahulu] saya meminati aktiviti sukan dari sekarang telah *berpindah* [bertukar] hobi tu pada menanam pokok pokok bunga, pokok pokok bunga yang berbau harum
- TIF      **Encik meminati sukan apa tu?**
- ENY      Kalau *dulu* [dahulu] olahraga sebab sewaktu di sekolah saya pernah menjadi olahragawan terbaik sekolah dua tahun berturut turut pada tahun *Sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] dan *sembilan belas tujuh puluh Sembilan* [1979], mewakili sekolah olahragawan terbaik Sekolah Menengah Kubang Kerian dan pernah mewakili negeri Kelatan dalam acara olahraga
- TIF      **Kalau boleh saya tahu dulu waktu zaman encik muda apakah cita-cita encik?**
- ENY      Cita-cita nk menjadi pegawai kerajaan tetapi cita- cita itu *tak* [tidak] kesampaian akhir sekali saya pernah bekerja mengcebur ke beberapa bidang pekerjaan, akhir sekali saya di anugerahkan untuk menjadi juara dikir, pada masa tu saya cuma ikot kawan, Untuk beramai ramai dengan kawan, kami berseronok seronok, bukan niat untuk menjadi pendikir sebenarnya tapi oleh

kerana kita mencuba sambil untuk berseronok tapi sekarang melibatkan kerjaya dikir barat ni telah merupakan kerjaya sepenuh masa

- |            |  |
|------------|--|
| <b>TIF</b> | <b>Adakah encik mempunyai idola?</b>   |
| <b>ENY</b> | Kalau dalam dikir barat saya meminati <i>dua</i> [2] orang, <i>satu</i> [pertama] sekali tok guru saya sendiri yang saya minat yang di beri nama Ariffin Ana yang seorang lagi Jalee Gagak Hitam ‘Pok De Jari’.  |
|            |  |
| <b>TIF</b> | <b>Kenapa encik macam menjadikan mereka idola encik?</b>   |
| <b>ENY</b> | Sebab mereka mesti mempunyai lenggok suara yang baik dan nada suara yang tinggi sebab kriteria yang perlu ada bagi seseorang yang nak menjadi juara dikir adalah mempunyai lenggok suara yang baik dan mempunyai kelantangan suara yang mereka mesti mempunyai bakat suara di dalam nada yang tinggi sebab dikir barat <i>ni</i> [ini] dia berlawan satu kumpulan dengan satu kumpulan, siapa yang lebih tinggi <i>key</i> [nada] dia pada masa tu orang <i>tu lah</i> [itulah] yang dikatakan menang pada malam itu |
|            |  |
| <b>TIF</b> | <b>Sepanjang encik hidup di Kelantan adakah encik mempunyai pengalaman yang paling istimewa ataupun manis encik paling ingat?</b>  |
| <b>ENY</b> | Pengalaman manis banyak sebab apabila kita di kategorikan sebagai pendikir nombor satu Kelantan pendek kata sekarang <i>ni</i> [ini], bila kata dikir yang paling lama di antara pendikir-pendikir yang ada sekarang <i>ni</i> [ini], saya mempunyai merupakan seorang pendikir yang paling lama paling <i>tua</i> [lama] sekarang <i>ni</i> [ini]. Jadi pengalaman memang banyak sebab sewaktu kita muda muda dulu kita sentiasa di kelilingi dan di buru oleh peminat peminat samada peminat tu lelaki             |

ataupun perempuan, jadi kita sebagai manusia kadang kadang kebanyakannya mempunyai rasa suka dan seronok *bila* [apabila] kita sentiasa di buru dan di kelilingi oleh mereka mereka yang meminati samada lelaki ataupun perempuan

- TIF           **Kalau daripada segi pengalaman pahit?**
- ENY          Pegalaman pahit ada *jugak* [juga] kadang kadang kita sentiasa di cemburui oleh rakan rakan kita, kita sentiasa di cemburui oleh rakan-rakan, apabila seseorang banyak musuh sebab saya sebagai seorang tok juara mempunyai nada suara yang tinggi dan nafas suara yang panjang jadi apabila berlawan *tidak ada* [tiada] sesiapa pun yang boleh mengalahkan saya, sebab kalau orang dua kali bernafas, saya sekali je bernafas bermakna *kita* [saya] lebih sekali ganda dari orang dan tinggi pon begitu *jugak* [juga] kalau nak dikira siapa yang paling tinggi maka saya yang paling tinggi, nada suara yang paling tinggi sebab saya boleh menyanyikan dalam *obtain* [maintain atau tetap] dan serendah rendah nada saya boleh nyanyi setinggi tinggi nada saya boleh menyanyi, jadi kita mempunyai *hikmah* [keistimewaan] yang sebegini yang sentiasa di cemburui oleh kawan-kawan *kita* [saya] dan kadang kadang mereka menggunakan kesempatan untuk menjatuhkan *kita* [saya] macamna supaya megat nordin ini akan jatuh, supaya orang lain dapat menyanjungi dia, sekiranya tak *jatuhkan* [menjatuhkan] kita, orang lain *tak boleh* [tidak dapat] lawan, lawan boleh tapi *tak* [tidak] akan menang, akan timbul persaan dengki yang teramat kuat sehingga ada di kalangan sahabat saya, ada di kalangan kawan seperjuangan orang dikir barat yang menggunakan santau untuk menkhianati saya dan satu ketika saya *rasa* [merasa] macam tidak ada harapan untuk hidup sebab santau itu teruk sehingga saya *tak* [tidak] dapat *nak* [hendak] bernafas, sekali batuk perut *membuncit* [membesar], sekali batuk lagi terus naik sehingga *tak* [tidak] dapat bernafas dan saya serahkan semuanya *pada* [kepada] tuhan tapi umur saya masih panjang, *benda* [perkara] ni berlaku bukan sekali tetapi dua tiga empat kali sentiasa terkena santau *tapi* [tetapi] saya redha dengan apa yang berlaku,

saya tidak pernah nak *membalas* [berdendam] orang *tu* [itu] walaupun saya tahu *orang* [siapa] yang punya angkara, tapi buat apa kita bertindak, kita serahkan pada tuhan lebih senang dia yang bertindak, tuhan lebih yang maha berkuasa yang maha mengetahui untuk bertindak *pada* [kepada] seseorang jadi kita tidak perlu bertindak dan *membalas* [berdendam].

TIF

**Apakah prinsip hidup encik yang encik pegang sehingga sekarang?**

ENY

Saya pegang pada prinsip alang alang kita menyeluk pekasam biar sampai menjadi arang bermakna kalau kita *nak* [hendak] mencebur diri dalam *arena* [bidang] dikir barat kita mestilah betul-betul fokus kepada dikir barat terutama sekali kita hendak menjadi juara biar kita betol-betol menjadi seorang juara yang baik dengan teknik-teknik juara macamana *nak* [hendak] menjadi juara yang baik, kita mesti ada guru dan mempunyai tunjuk ajar dari guru dan kita boleh *ikuti* [mengikut] apa guru kata dan di campur dengan pengalaman kita, itulah yang lebih afdal yang lebih baik dari kita menjadi guru tapi kita *tak* [tidak] gunakan sedikit pun pengalaman kita, setelah di campur dengan apa yang diajarkan oleh guru dan pengalaman kita sendiri, kita ada rezeki yang lebih baik, jadi bagi saya alang alang kita mencebur diri dalam *arena* [bidang] dikir barat atau dikir suara hendaklah kita berjaya.

- TIF      **Adakah encik mempunyai bakat lain selain daipada dikir barat?**
- ENY      Selain daripada dikir barat *ni* [ini], saya boleh menyanyi dan terbukti dalam kilauan emas *empat* [4] saya telah dapat menjejakkan kaki ke final dan kebetulannya saya pada masa *tu* [itu] *tak* [tidak] berapa sihat tapi itulah rezeki saya dan Alhamdulillah mendapatkan tempat ke empat daripada saya tiada niat lansung masuk kilauan emas oleh kerana disuruh oleh rakan-rakan saya yang sungguh hebat sehingga mereka memarahi kalau saya *tak* [tidak] masuk jadi saya terpaksa sebenarnya persediaan *tak ada* [tiada] maka saya menurut kemahuan mereka, jadi memang saya masuk dalam keadaan saya sendiri tidak bersedia, cuma *nak* [hendak] ambik hati.
- TIF      **Adakah encik selalu menghabiskan waktu dengan ahli dikir barat?**
- ENY      Kadang kadang ada, tapi sekarang saya banyak menyendiri banyak duduk *kat* [dekat] rumah sebab untuk mencari *glamour* [kemasyuran] dah cukup, kalau nak cari *glamour* [kemasyuran] dah lebih, bagi saya *glamour* [kemasyuran] dah *tak ada* [tiada] lansung, saya menyendiri dan sekarang saya cuba beralih arah dari seorang juara dikir kepada menjadi seorang hamba kepada tuhan, saya memang telah beralih arah *macamanapun* [bagaimanapun] kegiatan dikir barat ataupun nyanyian itu merupakan satu kerjaya dalam masa yang sama saya cuba menjadi abdi kepada tuhan.
- TIF      **Kalau boleh saya tahu dimanakah encik mendapatkan pendidikan sekolah rendah?**
- ENY      Sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian

- TIF      **Kalau di sekolah menengah?**
- ENY      Sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian Satu
- TIF      **Apakah subjek yang paling encik gemari di sekolah?**
- ENY      Pengetahuan Agama Islam dan Geografi
- TIF      **Adakah encik pernah memegang sebarang jawatan di sekolah?**
- ENY      Saya memegang jawatan ahli jawatan kuasa pengakap lepas tu menjadi ketua pasukan [rumah sukan] kalau di sekolah saya hang lekir, hang jebat,hang tuah,saya hang lekir [rumah sukan Encik Nordin]
- TIF      **Sekiranya encik tak [tidak] kisah boleh kah encik berkongsi keputusan sijil—**
- ENY      Sijil saya pada waktu tu *Sembilan belas tujuh puluh Sembilan* [1979] dalam peperiksaan spm saya mendapat *aggregate* [pangkat] dua pada ketika itu tetapi saya tidak berasas baik kerana keluarga saya sebenarnya terdiri daripada golongan yang tidak berada jadi adik-beradik *tiga belas* [13] orang semua, jadi saya terpaksa berkorban berhenti sekolah di tingkatan *lima* [5] sahaja meskipun saya dapat melanjutkan pelajaran tapi saya berkorban demi adik-adik kerana adik-adik yang masih ramai lagi dan ayah bekerja sebagai tukang cat rumah, jadi memang *taik* [tidak] mampu memberi perbelanjaan kepada adik-adik yang lain,

maka saya mengambil keputusan berhenti sekolah dan peluang saya *bagi* [berikan] kepada adik adik saya untuk meneruskan pengajian dan Alhamdulillah diantara mereka ramai yang belajar di luar negara seperti *tiga* [3] daripada adik beradik saya *mengaji* [belajar] di Univeristi Al Azhar, Mesir dan sekarang menjadi pendidik

TIF      **Kalau boleh encik kongsikan macam encik ada katakan tadi kalau kata encik nak melanjutkan pelajaran tetapi kalau kata encik di beri peluang encik akan —**

ENY      Kalau diberi peluang misalnya kita mendapat - biasiswa atau sebarang bentuk bantuan untuk membiayai perbelanjaan persekolahan maka saya akan melanjutkan pelajaran, oleh kerana pada ketika waktu itu kehidupan keluarga saya agak terdesak maka saya mengambil keputusan untuk berhenti sekolah

TIF      **Selepas encik berhenti apakah pekerjaan encik?**

ENY      *Lepas* [selepas] berhenti saya terus menyambung menolong ayah saya yang sebagai tukang cat, pada ketika itu saya bekerja sebagai tukang cat dan kebetulan malamnya baru saya berdiri untuk kita untuk *happy* [gembira] *nak* [hendak] berseronok

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: KERJAYA**

- TIF      **Kita beralih pula pada bidang kerjaya encik**
- Pada tahun berapakah encik mula berkecimpung dalam bidang dikir barat dan berapa lama?
- ENY      Tahun *Sembilan belas lapan puluh* [1980] sekarang *dah* [sudah] *tiga puluh* [30] tahun lebih
- TIF      **Daripada mana datang minat encik?**
- ENY      Minat *ni* [ini] sebenarnya datang --- orang *tau* [tahu] saya boleh menyanyi apabila boleh menyanyi ada *satu* [seorang] orang tok guru yang di kenali sebagai ‘tok bejali’ datang mengajar dikir barat di kampung saya tetapi pada masa itu saya tidak *tau menahu* [tahu] berhubung dengan ada kumpulan dikir di kampung saya, tetapi apabila semasa ketiadaan guru di kampung *tu* [itu], apabila dia balik ke kampung dia maka *tak ada* [tiada] satu orang pun yang boleh menjadi menggantikan guru itu jadi apabila mereka sentiasa tercari cri suruh orang ni *tak* [tidak] boleh suruh orang ni *tak* [tidak] boleh, semua *tak* [tidak] boleh, jadi mereka bermesyuarat, rakan-rakan saya dalam *group* [kumpulan] dikir barat bermesyuarat macamana, siapa yang sebenarnya layak untuk menjadi juara semasa ketiadaan guru, jadi mereka bermesyuarat dan mendapatkan keputusan untuk nordin menjadi --- , nordin tu merupakan seorang penyanyi, jadi apabila dapat keputusan *tu* [itu] adalah wakil dari kumpulan *tu* [itu] pergi ke rumah saya memberitahu di dalam kampung kita sekarang ada satu kumpulan dikir barat, jadi dia memohon kerjasama daripada saya kalau boleh pergi ke tempat dikir barat *tengok-tengok* [melihat] mereka dikir dan kalau boleh cuba

mengetuai kumpulan dikir *tu* [itu] sebab juara dikir jadi malam itu saya pergi dan saya kata kalau nak suruh saya jadi *juara* [tok juara] boleh, tapi saya *tak* [tidak] pandai saya memang *tak* [tidak] tau tentang dikir barat, *tapi* [tetapi] saya kata kalau nak saya jadi *juara* [tok juara] saya mintak kaset dengan dia agar saya dapat dengar lagu-lagu *camna* [macamana] yang meraka nak dendangkan, jadi apabila mereka bagi kaset tu saya dengar kaset *tu* [itu] saya tulis lirik saya tiru, malam *tu* [itu] pergi tempat latihan mereka bagi saya microfon saya terus bawak lagu *tu* [itu] sambil tengok lirik tapi alhammadulillah saya *tak* [tidak sempat] meletak lagu dalam *tak* [tidak] sampai pun satu pantun, mereka dah dapat keputusan, inilah orang yang kita cari daripada situlah bermula kerjaya saya sebagai tukang juara dikir walapun saya tidak minat pada waktu *tu* [itu] saya memang tidak minat dikir barat, saya minat pada menyanyi saja tetapi dalam bidang nyanyian pun saya tidak boleh menyanyi di rumah sebab keluarga saya, ayah saya terdiri daripada orang-orang yang *lebai* [alim] jadi menyanyi *tak* [tidak] boleh rotan kalau menyanyi *siket-siket* [walaupun sedikit] dia rotan tapi saya memang *tak ada* [tiada] peluang untuk menyanyi walaupun saya minat sejak kecil menyanyi tapi tak [tidak] lansung diberi peluang, saya menyanyi di pukul dengan rotan , yang saya boleh melibatkan diri dalam bidang *ni* [ini] setelah saya habis [tamat] bersekolah, apabila habis bersekolah , orang tua *nak* [hendak] larang pun *tak* [tidak] berapa sebab dah besar *siket* [sedikit] jadi dibenarkan, jadi disitulah bermulanya kerjaya saya sebagai tok juara dikir.

TIF      **Sejak bilakah encik mula datang minat?**

ENY      Minat tu sebenarnya sampai sekarang *tak* [tidak] minat-minat (ketawa)

Ini sebenarnya saya memang pelik saya sendiri pun berasa pelik kerjaya yang saya minat *tak* [tidak] dapat kerjaya yang saya *tak* [tidak] minat dapat ini memang dikir barat sebagai juara dikir saya memang tak [tidak] minat sampai hari ni, (ketawa), semua ni selama ini saya *berlagak* [berpura-pura], cuba

*berlagak* [berpura-pura], supaya orang melihat saya menjiwai semasa saya mendendangkan lagu-lagu dengan rentak tubuh tapi dalam jiwa saya jadi sebenarnya saya tidak minat, cuma orang mendengar saya dari segi penghantaran *vocal* [suara] kepada peminat- peminat itu yang *dia* [peminat] kata dia memang boleh, tapi sebenarnya dalam hati saya *tak* [tidak] minat (ayam berkokok) sampai sekarang saya minat menyanyi - dan saya menyanyi dengan dikir barat berbeza kerana menyanyi digunakan musik lain jadi dikir barat muzik lain tetapi oleh kerana *benda* [perkara] yang kita minat *tak* [tidak] semestinya di anugerahkan oleh tuhan jadi *benda* [perkara] yang kita tidak minat itulah yang menjadi kerjaya kita , itu merupakan anugerah jadi terpaksalah kita terima dengan redha meski saya menjadi seorang pendikir, mesti saya kalau kira minat bukan di kelatan tempat saya, di kuala lumpur sebagai artis bersama Adi Hamid, Adi Hamid memang sekampung (ayam berkokok), satu teman main bola, jadi sepatutnya saya kalau kira pada segi dalil akal saya di sana lebih sesuai tapi oleh kerana ini ketentuan pada ilahi maka kita redha dengan ketentuan

TIF      **Siapakah antara orang yang menyokong encik sehingga ke hari ini?**

ENY      Kebanyakannya semua rakan-rakan

TIF      **Pernahkah encik menerima apa apa tentang atau halangan sepanjang bergiat?**

ENY      Pada awalnya daripada ibu bapa saya sebab *dia* [mereka] kata malu anak *dia* [mereka] jadi seorang juara dikir sebab lain kehidupan mereka seorang *lebai* [alim] contohnya (ketawa) dikatakan, kita sebagai penyanyi memang *tak* [tidak] *sejoli* [sepadan], jadi apabila *benda* [perkara] *ni* [ini] berlaku maka *dia* [mereka] pun *tak* [tidak] boleh kata apa sebab berlaku setelah kita dewasa kalau *kecik-*

*kecik* [kecil] saya menjadi seorang juara dikir kemungkinan saya di pukul (ketawa) sebab memang *tak* [tidak] dibenarkan, adik saya pun ada yang menceburi seni suara tetapi dalam tilawah macam al-quran (ayam berkокok)

- |     |  |
|-----|--|
| TIF | <b>Kalau boleh saya tahu encik ada kata tadi encik berguru dengan dua orang, ada lagi encik berguru dengan orang lain?</b>   |
| ENY | Ada lagi, <i>satunya</i> [seorangnya] dengan ‘tok bejali’ dan <i>satu</i> [seorang] lagi dengan adik arwah ‘yusof telong’ jadi semuanya jadi arwah [meninggal], semua dah <i>tak ada</i> [tiada/meninggal] |
|     |  |
| TIF | <b>Encik akan berlatih di mana?</b>  |
| ENY | Ada di Kampung Kubang Kerian, Kampung Keladi di Cabang Empat Tumpat, tiga-tiga tempat <i>tu</i> [itu] daripada permulaannya.   |
|     |  |
| TIF | <b>Tempat yang menjadi kesukaan encik untuk membuat persembahan dikir barat?</b>   |
| ENY | Tempat yang <i>kita</i> [saya] minat sebenarnya --- memang saya berminat nak melakukan persembahan di tempat-tempat besar besar macam di hotel tempat yang ramai orang, saya suka macam <i>tu</i> [itu]    |

- TIF      **Kalau encik boleh berkongsi dengan kami, berapa bayaran dikenakan (diberi) untuk setiap jemputan untuk jadi—**
- ENY      Dalam dikir barat ni kita *tak* [tidak] boleh nak *demand* [memilih] sebab kebanyakannya sebab di suatu ketika dulu tempat di tempat yang bertiket, apabila bertiket, bayaran kita berpandukan *collection* [pengumpulan] yang dapat pada malam tu, kalau banyak banyakla, kalau sedikit sedikit la, jadi kita kena terima, sebab bayaran kepada orang dikir barat *ni* [tidak] tak begitu mahal, kalau tidak langsung sama dengan penyanyi
- TIF      **Kalau macam nilai yang paling tinggi encik pernah dapat sepanjang menjadi tok jore [tok juara] dikir barat?**
- ENY      kalau sebagai juara dalam *seribu lima ratus* [RM1500], saya rasa tapi tak [tidak] tahula kalau saya *tak* [tidak] ingat yang lebih tinggi lagi tapi sekitar *tu* [itu] , itupun kalau seandainya *menda* [perkara] *tu*[itu] penganjurannya di buat oleh pihak kerajaan atau pihak berkanun di tempat berpagar memang *tak* [tidak] dapat
- TIF      **Bagi kalau encik menambahkan ilmu dalam bidang ini, adakah encik pernah menghadiri seminar ataupun bengkel?**
- ENY      Pernah, bengkel yang dibuat oleh pihak pelancongan negeri Terengganu, yang dianjurkan oleh Pejabat Kebudayaan Negeri Terengganu yang dibuat oleh Persatuan Dikir Barat Kelantan pernah dibuat oleh pejabat kebudayaan dan kesenian kelatan dan banyak lagi yang saya terlibat dalam dikir barat ini

- TIF      **Pernahkah encik bekerjasama dengan individu lain dalam bidang dikir barat?**
- ENY      Ada tapi itu sekadar buat album, saya pernah berkongsi pendapat dan kita pernah nak buat satu perniagaan , kita buat satu album, tetapi sampai sekarang album tu satu lagu tu yang paling *top* [teratas] di klasik nasional iaitu hajat tak [tidak] sampai, lagu tu memang *top* [teratas] di klasik national tetapi album albumnya *tak* [tidak] terjual kerana *tak* [tidak] tau apa masalahnya, saya cuma tau sebagai penyanyi *je* [sahaja], *menda* [perkara] lain dituliskan oleh rakan-rakan saya tetapi benda tu *tak* [tidak] kesampaian lagu semua - lagu yang memang sedap dan di akui oleh pak ngah yang semua lagu *tu* [itu] memang baik dari segi *arrangement* [susunan] muziknya, sekarang ini saya terlibat dalam pembikinan satu album yang di arahkan oleh Dato Seri Yais Yatim untuk membuat lagu lagu daerah Kelantan dan *salah* [ini]satu daripada liriknya di tulis oleh beliau sendiri dan dia mengamanahkan supaya lirik dia ni mesti di nyanyikan oleh megat nordin, sekarang dalam pembikinan dalam baru *empat* [4] lagu rekod
- TIF      **Kalau encik sudi bolehkah encik kongsikan tajuk lagu yang encik akan ---**
- ENY      Lagu *tu* [itu] menumpang kasih, *lepas* [selepas] itu masuk *satu* [sebuah] lagi hajat *tak* [tidak] sampai, di masukkan sekali lagi, ‘hilang budaya’,*lepas* tu saya tak [tidak] ingat sebab lagu lagu baru semua
- TIF      **Adakah sesiapa dalam kalangan keluarga encik turut serta mengikut jejak sebagai dikir barat?**
- ENY      Ada dua tiga orang, tetapi tidak menonjol, yang menonjol sekali haikal, Megat *Haikal* [anak Encik Megat Yusof] , dia merupakan seorang insan yang di

anugerahkan bakatnya secara semulajadi dimana dia merupakan seorang dari finalis idola kecil *empat* [4] di tv *Sembilan* [9] dan merupakan finalis dalam bintang kecil dan dia juga merupakan seorang penyanyi, seorang penyanyi dikir barat, seorang juara dikir barat, seorang tok dalang wayang kulit, seorang peniup serunai dan boleh bermain berbagai bagi jenis wayang kulit

- TIF           **Adakah encik menggalakkan anak encik untuk terlibat**
- ENY          Saya ada pengalaman pernah di *sekat* [larang] oleh ibu bapa saya ketika kecil jadi apabila kehadiran haikal dalam kehidupan saya, jadi saya *tak* [tidak] sekat bahkalan saya menyokong dan memberi sokongan yang sepenuhnya agar menjadi sebagaimana saya bakat yang di anugerah oleh Allah swt jadi kita *sekat* [larang] jadi bagi saya bakat yang di anugerahkn kepada beliau maka saya harusnya *memanjangkan* [menggalakkan] lagi bakat itu dan pada semalam pun dia bertanding dalam kategori muda wayang kulit di yang di anjurkan oleh Perbadanan Muzium Kelantan semalam dan Alhamdulillah dia antara ramai ramai peserta *dia* [anak] adalah merupakan peserta yang paling hebat sekali persembahannya semalam sehingga pengadil tidak sepatutnya memberi tepukan kepada peserta, sepatutnya dia merahsiakan tapi oleh kerana tidak tertahan dengan *lenggok* [penyampaian] wayang dia, apa yang di keluarkn patung patung wayang tu semua menyebabkan orang berdiri bulu romo dan perasaan sehingga pengadil bangun berdiri bertepuk tangan kerana salah seorang pengadil tu ‘Yu Hom Seng’ pengadil daripada wayang kulit cina , menangis, masa *tu* [itu] ada dua tiga orang bertempik di belakang walaupun pertandingan yang di sertainya semalam terbuka kepada semua peringkat umur sedangkan dia baru *empat belas tahun* [14] tahun, *berlawan* [bertanding] dengan umur *tujuh puluh tahun* [70], *empat puluh tahun* [40], *lima puluh tahun* [50] tapi dia masih lagi *leading* [mendahului] mereka mereka yang , walapun dia tidak berkesempatan untuk berlatih oleh kerana dia baru tidak mempunyai keyakinan untuk berlatih dia kata dia *taknak* [tidak mahu] berlatih dengan - jadi peluang tu memang

*tak[tidak]diberi lansung kepada dia sebab tak ada [tiada] , tak ada [tiada] satu kumpulan pun yang ingin berlatih untuk mengiringi permainan dia sebagai dalang jadi cuma main dengan dia punya kaset dia dengan CD [cakera padat] dia, dia tak [tidak] pernah praktis jadi semalam latihan dia pun ketika pertandingan dia disitu tetapi Alhamdulillah oleh kerana bakat anugerah yang terlalu besar Allah kepada dia maka dapat menguasai semua, kalau nak kira di kalangan peserta di malam semalam dia yang markah yang paling banyak sekali, yang berbunyi di dalam dia sedang meniup serunai (haikal sedang meniup serunai), sebenarnya pun orang lain belajar untuk bertukar nafas sahaja *enam* [6] bulan tetapi dia dalam masa sehari dengan tiup *sume* [semua] *tu* [itu], bukan kaset sume *tu* [itu].*

- |     |   |
|-----|---|
| TIF | <b>Encik nordin kalau boleh saya bertanya, adakah encik nordin mempunyai murid ataupun anak pelajar?</b>  |
| ENY | Murid saya yang ada di Kampung Chica Kubang Kerian, ada di Tumpat dan banyak, kebanyakannya saya <i>tak</i> [tidak] susah kalau nak buat persembahan di mana pun kadang kadang buat persembahan di Pasir Puteh ada anak murid saya yang sebelah Pasir Putih, ada yang di sebelah Tumpat sekitar Kota Bharu kita ambik yang kumpulan chica |
|     |   |
| TIF | <b>Adakah encik adakah terdapat organisasi yang menghantar pelajar atau pelatih untuk encik latih?</b>  |
| ENY | Ada tetapi saya pergi ke tempat - contohnya kita diarahkan oleh pihak pejabat kebudayaan dan kesenian negeri Kelantan untuk mengajar pendikir pendikir di sekolah sekolah jadi saya pergi mengajar dalam dua jam satu hari, jadi di situ maknanya saya mendidik anak anak murid saya daripada yang sekolah sekolah                        |

kebanyakannya mereka, mereka memang bertanding untuk mendapat hikmat nasihat daripada saya macam mana nak [hendak] buat lagu contohnya, maknanya kita membentuk satu kumpulan untuk mereka dapat bertanding untuk wakil sekolah.

TIF      **Adakah encik mengambil bayaran ataupun yuran terhadap mereka?**

ENY      Bayaran di bayar oleh pihak sekolah ataupun pihak pejabat kebudayaan di mana mereka mengambil saya untuk mengajar contohnya di Sekolah Kebangsaan Kubang Kerian contohnya jadi hari itu saya mengajar dua jam, jadi, sebanyak dua jam pada satu hari dan kemungkinan dalam seminggu kita pergi kita buat enam jam, *tiga* [3] hari lepas tu *dia* [pihak pejabat kebudayaan] akan kira dalam satu bulan *umbuhan* [gaji] akan di bayar oleh pihak pejabat kebudayaan

TIF      **Pada pendapat encik, berapa lama masa di ambil seseorang itu untuk mempelajari ilmu seni dikir barat?**

ENY      Bergantung kepada individu, kadang orang yang cepat dapat cepat - klau orang yang nak menjadi *juara* [tok juara] tapi suara sumbang itu memang hancur, memang *tak* [tidak] boleh nak ajar tapi kalau mereka yang ada bakat , vokal dia baik *pitching* [sebutan] dia semua baik jadi *tak* [tidak] susah cuma kadang kadang dia tiru saje lagu lagu kita dalam *CD* [cakera padat] *lepas* [selepas] itu Cuma kita pergi baiki siket siket [sedikit] lagi maknanya kita pergi yang telah mereka *dah* [sudah] pun kena ---

- TIF      **Apa yang selalu encik lakukan untuk memuaskan hati penonton melihat persembahan encik?**
- ENY     Jadi bagi saya prinsip saya, tiap tiap *benda* [perkara] yang kita lakukan mesti adalah yang terbaik, jadi apabila kita buat persembahan kita buat yang terbaik, maka pihak penonton akan berasa berpuas hati dengan apa yang mereka bayarkan kepada kita contohnya tempat yang bertiket, mereka membeli tiket untuk melihat persembahan kita jadi kita mesti buat yang terbaik agar mereka terhibur dan berbaloi dengan apa yang mereka bayar.
- TIF      **Untuk mempromosikan diri encik dalam bidang dikir barat adakah encik menggunakan medium tertentu untuk dikenali ramai?**
- ENY     Tidak bagi saya *tak ada apa apa* [tiada apa] cuma yang dibuat oleh pihak radio contohnya pernah keluar dalam surat khabar dalam tv [televisyen] ada *saja* [sahaja], tapi bagi saya tidak ada apa apa pun untuk menaikkan saya sendiri melainkan bagi saya prinsip saya *tak* [tidak] perlu naikkan , mereka yang menilai
- TIF      **Adakah encik pernah buat persembahan dikir barat di luar Negara?**
- ENY     Pernah, contohnya saya pernah membuat persembahan di Thailand, Brunei, Singapore, Indonesia dan yang paling jauh *sikut* [sedikit] ialah di London , saya di beri penghormatan oleh kerajaan Malaysia semperna Malaysian Week Of London di kota London pada ketika itu saya pemilihan saya dibuat berdasarkan kepada persembahan saya di malam *tu* [itu] di semasa [sewaktu] konsert pertabalan yang dipertuan agung di dataran merdeka dan di situ Dato Seri Rais Yatim boleh jadi berkenan dengan persembahan saya pada malam tu dan saya terpilih untuk *mewakili* [berminat] Malaysia seorang saja penyanyi yang

ditugaskan untuk mewakili Negara Malaysia semperna dengan Malaysian weeks di London dan pada ketika itu saya , semasa di London saya menyanyi banyak lagu tetapi yang di khaskan untuk saya bawak *waktu* [masa] tu adalah ‘dikir barat fusion’ dia panggil di reka cipta oleh Pak Ngah dan Dato Seri Mohd Zain awak awanya saya gunakan penari penari istana budaya sebagai penari *back up* [tambahan]

- |     |  |
|-----|--|
| TIF | <b>Apakah rahsia kejayaan encik dalam dikir barat sehingga encik mendapat gelaran tokoh dikir barat(isteri bercakap di dapur)</b>  |
| ENY | Bagi saya prinsip saya, tiap tiap kita <i>nak</i> [hendak] buat sesuatu biar ada kejayaan, biar ada kesungguhan (ayam berkokok), kalau buat macam melepaskan batuk di tangga bagi saya memang saya <i>tak nak</i> [tidak mahu] begitu juga saya asah anak saya, saya didik anak saya apa yang kita nak lakukan mesti yang terbaik dan jangan sama dengan orang lain, tekad kita jangan sama dengan orang lain bahkan kita mesti walaupun seinci mesti lebih dari orang, kalau tersasar pun sama tapi mesti <i>target</i> [sasaran] mesti lebih dari orang lain jangan sama, jangan sesekali sama dengan orang lain, mesti kita letak satu tahap lebih tinggi dari orang lain (ayam berkokok) |
|     |  |
| TIF | <b>Encik meyertai pertandingan menyanyi selain dari kilauan emas?</b>  |
| ENY | Ada di peringkat sekolah   |
|     |  |
| TIF | <b>Apakah genre lagu yang selalu encik nyanyikan?</b>  |
| ENY | Saya banyak boleh menyanyi dalam sume kategori lagu, samada lagu kerongcong lagu asli, balada pop, rock saya boleh nyanyikan semua bentuk lagu (ayam   |

berkokok) kadang kadang orang tu klau pop saja pop saja kalau rock rock saja, kalau nak nyanyi lagu kerongcong memang hancur , begitu jugak penyanyi rock kalau mereka nyanyi, nak suruh mereka nyanyikan lagu lagu asli memang *tak* [tidak] boleh, tapi saya lebih gemar dengan nyanyi lagu lagu kerongcong, itu lagu lagu orang *tak* [tidak] boleh bawak, orang jarang-jarang mereka boleh bawak

- |     |   |
|-----|---|
| TIF | <b>Adakah encik berminat untuk membuat album tersendiri?</b>  |
| ENY | Kalau ada permintaan, kalau ada permintaan daripada mereka pihak-pihak tertentu boleh kalau untuk saya buat album untuk saya pasarkan untuk saya buat memang saya <i>tak</i> [tidak] berniat lansung (ayam berkokok)  |
|     |   |
| TIF | <b>Kalau boleh pihak saya tahu, bagaimanakah encik menguruskan masa encik?</b>  |
| ENY | Saya sekarang ni memang banyak relaks [berehat] di rumah, boleh di katakan Sembilan puluh lima peratus [95%] berada di rumah, saya tak [tidak] keluar dah, kalau dulu bila tak ada [tiada] di rumah Cuma <i>lima</i> [5] peratus saja masa yang kita berikan (ayam berkokok) untuk di rumah untuk tidur je, siang harinya entah kemana tetapi sekarang ni saya <i>tak</i> [tidak] keluar saya Cuma duduk di rumah saja, tetapi kecuali <i>kita</i> [saya] ada tugas tugas yang tertentu baru saya keluar, kalau <i>tak</i> [tidak] memang di rumah tempat saya sekarang |
|     |   |
| TIF | <b>Adakah encik ada di tawarkan untuk membuat persembahan di luar negeri selain Kelantan setakat ni?</b>  |
| ENY | <i>Lima belas haribulan</i> [15], esok saya ada <i>show</i> [pertunjukan] di Kuala Berang   |

bersama dengan roy kapila

- TIF      **Apa yang menyebabkan encik menerima tawaran tu?**
- ENY     Jadi sebagaimana saya katakan tadi kerja saya sepenuh masa sebagai penghibur jadi kalau kita *tak* [tidak] terima tawaran ni macamana kita nak memelihara isteri anak anak (ketawa) jadi sumber inilah yang kita gunakan, bagi saya prinsip saya setiap hajat kepada mereka yang memanggil saya membuat *show* [pertunjukan] bagi saya ada satu prinsip saya diam, tetapi walaupun saya diam, saya tidak berusaha ke arah itu (bunyi moto) untuk mempromosi diri saya tetapi saya yakin walaupun saya *duk* [duduk] *diam gini* [begini] rezeki akan ada, kadang kadang saya diam kadang kadang mereka telefon , persembahan *besok* [esok] pertembungan dua esok Khari Jamaluddin datang ke Wakaf Che Yeh di RTC jadi saya di khaskan untuk menyanyi disitu, tetapi *tak* [tidak] boleh sebab pertembungan tarikh dengan dengan di Kuala Berang, maka saya terpaksa tolak, dan pihak penganjur memohon jasa baik anak saya Haikal untuk mengantikan tempat saya, maka Haikal pada awalnya menerima tempahan tempat kenduri kawin tapi oleh sebab itu *tak perlah* [tidak mengapa] pergi yang sebab menteri, program tu program menteri semperna dengan program belia maka Haikal akan mengantikan tempat saya pada malam esok
- TIF     kaset dua bahagian B pendidikan awal dan kerjaya tamat  
kaset satu bahagian a latar belakang tokoh tamat, kaset satu bahagian b pendidikan awal dan kerjaya tokoh bersambung pada kaset kedua

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: SUMBANGAN DAN PENGANUGERAHAN TOKOH**

TIF      Kaset Tiga Bahagian C Sumbangan Dan Penganugerahan Tokoh Bermula

TIF      : **Adakah Encik Nordin pernah terlibat ataupun menyertai dalam apa-apa persatuan yang berkaitan dengan bidang seni dikir barat?**

ENY      : Saya pernah terlibat dengan persatuan Dikir Barat negeri Kelantan iaitu pendikir, *dua* [2] tahun sebagai naib presiden Persatuan Dikir Barat Negeri Kelantan

TIF      : **Pernahkah encik terfikir untuk menerbitkan buku yang berkaitan dengan bidang Seni Dikir Barat?**

ENY      : Bagi saya rasa saya *tidak ada* [tiada] kesempatan untuk buat buku-buku kecuali ada mereka-mereka yang cuba nak nak menuliskan buku-buku sebagai mana lakaran hidup sayalah contohnya *kate* [kata], sejarah hidup saya ada pernah mereka mengeluarkan pendapat macam tu, tapi saya kata kalau nak buat tapi bagi saya *tak nak* [tidak mahu]. Kalau secara individu bagi pihak saya sendiri saya *tak nak* [tidak mahu] kecuali ada orang cuba nak bukukan sejarah hidup saya.

TIF      : **Berdasarkan kajian kami, encik pernah dianugerahkan sebagai tokoh dikir barat, pada tahun bilakah itu?**

ENY      : Saya rasa dalam *sepuluh* [10] tahun lepas-- Tapi tahun ini saya *tak* [tidak] ingat. Dan bukan setakat itu sahaja Saya pernah dianugerahkan sebagai anugerah seni. Satu pertandingan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan yang mana maknanya membandingkan diantara tokoh-tokoh yang mana yang paling

bekerjaya sekali pada tahun itu yang boleh menaikkan nama negeri Kelantan dan Malaysia ke persada dunia contohnya kita kata. Dan dalam pemilihan itu saya terpilih menjadi pemenangnya dan hadiahnya merupakan sebuah rumah. Dan inilah rumah yang saya pernah memenangi anugerah. Rumah ini saya panggil ‘Anugerah Seni’.

**TIF : Adakah terdapat ahli keluarga Encik yang pernah juga dalam bidang bidang seni dikir Barat?**

**ENY : *Tak ada.[tiada]***

**TIF Bagaimanakah boleh timbul rasa minat encik untuk menyambung ataupun mengekal seni dikir barat?**

**ENY** Bagi saya, alang-alang saya berkecimpung dalam bidang dikir barat dan ia telah menjadi satu kerjaya sepenuh masa bagi saya bagaimanapun saya memikirkan bagaimana untuk mengekalkan dikir barat tu sebagai satu benda yang satu permainan yang cukup-cukup diminati oleh mereka-mereka peminat-peminat dikir barat di negeri Kelantan supaya benda ni tidak akan hilang di bumi Malaysia. Dan saya berusaha untuk membuat bagi saya,saya telah menyuarakan pendapat agar persembahan dikit barat mesti dipertingkatkan lagi contohnya dari segi individu sendiri yang terlibat dengan dikir barat contohnya ‘awak-awak’ mesti mempunyai disiplin yang baik, personaliti yang baik dan persembahan yang baik.Tiap-tiap *benda* [perkara] yang kita nak buat persembahan mestilah persembahan yang boleh memuaskan hati para penonton. Apabila sekali kita buat persembahan bermaknanya sepuluh kali bila mereka sampai dirumah, mereka masih mengingati persembahan yang kita lakukan.

- TIF**      **Berdasarkan penglibatan encik dalam persatuan dan juga penghasilan karya-karya encik, apakah sumbangan yang encik rasa paling besar?**
- ENY**      Bagi saya, yang saya lanjutkan pendapat saya kepada seorang anak murid saya iaitu, Muhammad Solihin atau dikenali dengan nama ‘Mat Yie Arjuna Sukma’ yang sekarang ini telah membentuk akademi sendiri di Kuala Lumpur, Akedemi Dikir Barat di Kuala Lumpur. Benda itu saya berbincang dia. Saya cuba amanahkan kepada beliau supaya menghidupkan dikir barat di Kuala *Lupur* [Lumpur] sebab di negeri Kelantan asyik mencari pengaruh aje, orang asyik mengejar *glamor* [kemasyuran] tetapi apa-apapun tidak di buat dengan persatuan dikir barat. Tetapi apapun dilakukan untuk menaikkan identiti dikir barat begitu juga untuk menaikkan ahli-ahli dikir barat sendiri. Maka saya rasa kecewa dengan apa yang berlaku di Kelantan dan idea ini saya sampaikan kepada anak murid saya iaitu ‘Mat Yie Arjuna Sukma’ supaya membentuk satu kumpulan dikir barat di Kuala Lumpur yang betul-betul mantap yang dapat menandingi mereka-mereka yang terlibat dengan dikir barat di negeri Kelantan dan ternyata sekarang ini, keberhasilannya telah ternampak , yang mana “Karoot Komedia” yang ada dalam *tv* [televisyen] itu lah komponen yang kumpulan yang dibentuk oleh “Mat Yie Arjuna Sukma” yang sekarang telah pun membina akademi dikir barat sendiri, dia mengajar di seluruh Negara Malaysia. Dan itulah hasil daripada inilah maka berkembangnya dikir barat ke Sabah dan Sarawak sampai *Singapore* [Singapura] sampai seluruh pelusuk tanah air dan saya cukup merasa bangga kerana inilah idea saya diterima pakai oleh orang lain. Alhamdulilah, ternyata dikir barat sekarang dapat diterima oleh seluruh penduduk di Malaysia melalui ‘Karoot Media’ [Komedia] contohnya.
- TIF**      **Pernahkah encik menerima pengiktirafan dalam Negara ataupun luar Negara diatas penglibatan encik?**
- ENY**      *Tak* [Tidak] ada. Cuma di negeri Kelantan saja sebagai ‘Tokoh Dikir Barat’

adalah merupakan seorang tokoh dikir yang sekarang ni yang mengekalkan original [asli] identiti dikir barat. Saya masih lagi mengekalkan identiti dikir barat supaya tidak berubah.

TIF

**Bagaimakah encik mengekalkan seni dikir barat itu supaya kami orang muda menjadi minat juga?**

Untuk mengekalkan nombor *satu* [1] sekali, kita kena mempunyai disiplin yang kuat. Kita memilih disiplin yang kuat kalau orang panggil di mana-mana tempat itu tepat pada waktunya, misalnya kalau persembahan di hotel pada pukul *lapan* [8] mesti berada di hotel, kalau di tempat dikir barat biasanya pukul *Sembilan* [9] persembahan itu dan pukul *lapan empat puluh lima* [8.45] kita mesti berada tempat itu supaya tidak berlaku kekalutan diantar pihak pengajur apabila dia tengok orang yang dipanggil tidak ada lagi pada masa itu, maka ia akan menjadi tidak tenang, “Mana mereka ni, *tak* [tidak] sampai lagi Megat tak sampai lagi, orang ni *tak* [tidak] sampai lagi” jadi berlaku *keluh kesah* [kekalutan] dalam hati mereka. Jadi oleh kerana itu, kita mesti menjaga *hati* [hati orang] yang memanggil kita untuk buat persembahan agar mereka tidak risau dengan kehadiran kita. Lepas tu kita mesti buat apa yang terbaik di dalam persembahan kita pada malam itu.

TIF

**Kalau boleh encik kongsikan, bagaimakah encik mendapat gelaran Megat?**

ENY

Nama penuh saya Nor-Din Bin Yusoff. Tapi pada suatu ketika dulu, saya merupakan seorang kanak-kanak yang nakal di kampung saya. Sewaktu kecil, saya seorang boleh dikatakan budak yang mempunyai hati yang keras, semangat yang kental yang mana kalau saya berkawan jangan siapa-siapa cuba kacau

kawan-kawan saya, *sikit* [kalau] orang *tu* [itu] kacau maka tempat yang sepatutnya mereka berhadapan dengan kawan saya tapi berhadapan dengan saya sendiri. Saya seorang boleh dikatakan jiwa pahlawan. Maknanya, memang orang kampung saya pun saya *tak* [tidak] dibenarkan *diusik* [di kacau] begitu juga dengan kawan-kawan saya, saya sentiasa menolong mereka-mereka yang ditindas ataupun dianiyai oleh orang-orang lain. Maka saya akan menggantikan tempat beliau, tempat mereka yang dianiyai menggunakan tubuh badan saya sendiri untuk menghalang mereka. Jadi sekiranya berlaku apa-apa jangan ganggu kawan-kawan saya sekiranya orang lain ganggu saya akan cari orang tu, saya pukul orang tu (ketawa). Aktiviti kegemaran saya waktu muda adalah bergaduh (ketawa) samseng (ketawa) saya memang minat berminat bergaduh.

TIF      **Daripada situlah encik mendapat nama gelaran itu?**

ENY      Megat itu merupakan Hulubalang—

Di atas sifat saya di gelarkan oleh seorang orang tua di Kampung Kenali “Budak ni *tak* [tidak] boleh nama lain mesti guna Megat, sesuai dengan perangainya”. Dia tengok saya macam *ni* [ini] tapi kalau dulu, saya muda dulu boleh dikatakan *dua* [2] bulan sekali saya pukul orang (ketawa), *dua* [2] bulan sekali adalah saya sampai *bertumpah darah* [bergaduh]. Itulah perjalanan hidup saya merupakan orang yang baik saya tak [tidak] kacau, tapi kalu orang kacau mesti kena orang tu mesti kenalah. *Tak* [tidak] ada yang tidak mesti, mesti kena (ketawa) saya nakal dahulu. Contohnya, keturunan saya ada yang berdarah macam ni. Ada anak *dua* [2] pupu saya ‘Mat Tin’, mati bertembak dengan polis Machang. Itu *dua* [2] pupu saya. Encik Noor semua yang macam gangster tu semua macam saya (ketawa). Cuma saya ada *dua* [2] darah, *satu* [1] darah yang baran, *satu* [1] darah ‘Tok Kenali’, saya keturunan daripada ‘Tok Kenali’ jadi boleh jadi sewaktu usia saya dah lanjut begini, maka saya berbentuk ke arah daripada kegiatan-kegiatan saya yang lampau saya tinggalkan saya masuk dalam buku.

Sebab itu saya sekarang *tak* [tidak] banyak keluar saya lebih duduk dirumah, lebih baik saya beristighfar, berzikir dan berselawat. Sebab itu yang pengisian masa saya itu memang saya tumpukan *seratus*[100] peratus, sebab itu saya kata saya aktiviti lain *tak ada* [tiada]

TIF      **Adakah encik selesa dipanggil dengan nama Megat?**

ENY      Ya. Sebab dengan nama ini jugak merupakan nama seseolah macam memberi tuah. Kalau tidak kerana nama Megat, *tak* [tidak] tahu macam mana kehidupan saya. Saya berubah berubah dengan kerana orang kenal saya sebagai pendikir, sebagai juara dikir dan sebagai penyanyi Dikir Barat, jadi kalau saya nak pukul orang,*tak* [tidak] munasabah, kita dikenali ramai, ramai peminat kalau-kalau peminat kita sendiri kita pukul (ketawa). Kita *tak* [tidak] kenal pun mereka, mereka kenal kita. Jadi apabila buat lagi perangai tu *tak* [tidak] tinggal lagi perangai tu maka satu *benda* [perkara] teramat buruk bagi saya sebab tu adalah untuk menjaga nama Megat Nordin sebagai Pendikir Negeri Kelantan saya tinggal aktiviti saya. Maka saya bermulalah menjadi seorang belajar-belajar untuk jadi baik (ketawa). Kalau dulu memang *tak ada* [tiada] *chance* (peluang), sapa yang buat silap dengan saya memang tak ada [tiada] *chance* (peluang) nak lepas, saya cari dia (ketawa).

TIF      **Daripada pengetahuan encik, adakah ahli-ahli seni dikir barat ini yang encik kenal yang pernah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Kelantan ataupun oleh Kerajaan Negara Malaysia?**

ENY      Seorang lagi ‘Dollah Tok Deh’ mewakili tukang karut. ‘Dollah Tok Deh’ juga merupakan seorang pemenang “Anugerah Seni” yang mana ‘Dollah Tok Deh’ ni mendapat jugak sebuah rumah hasil daripada anugerah tu. Ini berpandukan kepada kerjaya beliau yang terlalu lama dalam bidang Dikir Barat dan jasa-

jasanya terlalu banyak dalam industri Dikir Barat. Jadi memang layak untuk dia untuk mendapat hadiah tu. Tetapi anugerah ni yang permulaannya yang julung-julung kali saya mendapat. Jadi ‘Dollah Tok Deh’ ni adalah untuk kali yang kedua. Pembuka tirai untuk ‘Anugerah Seni’ adalah saya.

- |     |  |
|-----|--|
| TIF | <b>Daripada pengiktirafan yang encik terima, apakah yang menyebabkan encik merasa bangga dengan pengiktirafan itu?</b>   |
| ENY | Bagi saya, rasa bangga <i>tak</i> [tidak] ada.<br><br>Cuma yang ada pada saya adalah bersyukur. Saya bersyukur kerana itu adalah ketentuan dari Allah SWT untuk saya, sebenarnya walaupun kita usaha macam mana pun sekali pun kalau tidak di iringi dengan restu oleh Allah SWT maka tidak akan jadi semuanya. Senang saya sekarang senang (ketawa).  |
|     |  |
| TIF | <b>Bolehkah encik memberi pendapat tentang penglibatan generasi muda dalam bidang Dikir Barat?</b>   |
| ENY | Bagi saya secara individu saya <i>tak</i> [tidak] berapa minat sangat sekarang ni sebab lagu-lagu yang <i>Juara-Juara</i> [penyanyi Dikir Barat] baru ni buat nampak sangat <i>ciplaknya</i> [menciplak/meniru], ambik daripada ‘Lagu Hindustan’ cuma di dikirkan. Di dikirkan bermakna masuk <i>backup vocal</i> [tambahan suara latar], ‘Lagu Hindustan’ Cuma masuk dalam istilah Dikir Barat masuk ‘ <i>Orang Jawak</i> ’ [suara awak-awak] untuk mengikut menjadi lagu dikir sebenarnya itu bukan lagu dikir tetapi itu ‘Lagu Hindustan’ (ketawa). Nak lagu Juara ia mesti mencipta satu lagu yang belum ada dalam dunia. Itu kita sebagai pencipta melodi jangan kita ciplak daripada melodi orang lain. Itu baru <i>original</i> [asli]. Sebab itulah lagu saya sampai sekarang lagu contohnya lagu ‘Tinggallah kasih’, ‘Tunggu-Tunggu Tak Kelik ‘dan banyak lagi lagu sebab tu lagu tu kekal sehingga sampai ke |

sekarang walaupun tiga puluh tahun [30] tahun lagu tu, tetapi orang masih meminatiinya, masih mintak lagi lagu, kalau you [awak] buat persembahan di padang, orang masih memintak lagi lagu tu, itu bermaknanya original [asli] lagu tu kita bawakan bukan lagu yang macam lagu dinyanyikan oleh artis-artis di tanah air kita maka kita masukkan backup vocal (tambahan suara latar) je untuk memasukkan suara awak-awak jer, itu *tak* [tidak] betul bukan lagu Juara, lagu Juara adalah lagu ciptaan sendiri.

- |     |   |
|-----|---|
| TIF | <b>Adakah encik rasa generasi muda untuk melibatkan diri dalam bidang seni Dikir Barat?</b>   |
| ENY | Sampai bila-bila pun saya rasa dikir barat tetap diminati sebab daripada generasi kepada generasi ia akan berpanjangan contohnya daripada saya, saya diwarisi oleh anak saya begitu juga mereka-mereka yang lain. Dia akan diwarisi oleh golongan pelapis-pelapis ini bermaknanya benda ini makin banyak makin banyak cuma terletak kepada seseorang pada waktu itu untuk menambah baik persembahan dikir barat iaitu terletak kepada kreativiti <i>seorang</i> [seseorang].  |
|     |   |
| TIF | <b>Sebagai seorang yang sudah berpengalaman dalam bidang ini, apakah pesanan nasihat encik kepada generasi muda tentang betapa pentingnya seni dikir barat?</b>   |
| ENY | Saya rasa alang-alang kita nak menceburkan diri dalam dunia dikir barat, lebih lebih baiklah kita buat yang terbaik, alang-alang kita terlibat. Alang-alang kita terlibat dalam dunia dikir barat, buatlah yang terbaik dan jaga disiplinnya dengan baik sebab kadang-kadang kita rasa sekarang, saya rasa kecewa dengan mereka-mereka generasi baru terutama sekali perempuan, penyanyi dikir barat perempuan yang berpakaian tidak sopan, yang cukup tidak sopan jadi macam ‘Goyang Inul’ kalau di Malaysia dia di, ‘Goyang Inul’ lah penyanyi-penyanyi |

wanita sekarang ni dalam dikir barat ni mengikut idola mereka ialah “Inul”. Jadi Saya rasa memang tidak sesuai, jadi bagi saya akhlak terlalu jatuh, sepatutnya kita sebagai orang seni menjadi idola, menjadi ikutan kepada masyarakat. Jadi kalau buat macam tu maknanya satu benda buruk yang kita pamerkan kepada peminat-peminat dikir barat bukan semua orang meminati kita berpakaian seperti itu pakaian ketat, ada segelintir *saje* [sahaja] yang minat tetapi yang banyak lagi tidak minat contohnya orang-orang tua, orang-orang perempuan memang tidak minat macam tu. Apabila mereka-mereka melihat persembahan penyanyi-penyanyi dikir barat wanita *ni* [ini], kadang-kadang ada yang terus keluar balik terus balik bawa ada yang umur *lima puluh* [50] hingga *enam puluh* [60] bawa anak, bawa cucu. Dia malu tengok persembahan macam tu. Dan tambah-tambah sekarang ini, pihak kerajaan negeri samada negeri Kelantan ataupun Terengganu tidak membenarkan aktiviti penyanyi-penyanyi dikir barat wanita hasil daripada mereka buat persembahan yang memang tidak senonoh dari segi pakaian. Sebab itu saya bersetuju dengan kerajaan samada kerajaan Kelantan ataupun Terengganu yang cuba tidak membenarkan artis wanita dalam dikir barat sebagainya.

- |     |   |
|-----|---|
| TIF | <b>Adakah encik rasa golongan muda didedahkan dengan dikir barat meluas dengan zaman kini?</b>  |
| ENY | Ye memang pendedahan ---, sebab kita senang dapat sumber-sumber sekarang dalam ‘Youtube’ dalam <i>CD</i> [cakera padat] ke apa semua tu, jadi untuk mereka nak menghayati ataupun menonton persembahan dikir barat bagi saya tidak susah. |

- TIF      **Bagaimakah cara Encik Megat cuba menarik minat golongan muda untuk meminati dikir barat dan apa cabarannya?**
- ENY     Bagi saya, saya tetap dengan pendirian saya bahawasanya kita mesti menjaga disiplin dan buat persembahan yang terbaik agar mereka yang tidak minat walaupun pertama kali ,walaupun *tak* [tidak] pernah melihat persembahan dikir barat contohnya mereka daripada Kedah ,mereka daripada Johor contohnya apabila melihat persembahan kita, kita buat persembahan yang terbaik, mereka tidak pernah melihat persembahan yang seumpama ini di tempat mereka, apabila kita buat persembahan yang terbaik, mereka akan rasa minat untuk melihat kembali persembahan dikir barat tu. Jadi kalau kita buat persembahan sambil lewa, orang tengok pun “apa dikir barat macam ni”, jadi sepatutnya mereka minat jadi membenci kerana persembahan dikir barat. Apa macam ni, dengan pakaian macam ni, dengan persembahan, dengan *piching* [suara] nya *lenggek* [sumbang] *tak* [tidak] tahu kemana nya jadi itu lebih memburukkan lagi, jadi bagi saya mesti tiap-tiap kita buat persembahan, kita mesti ada satu niat supaya apabila sekali orang melihat persembahan kita sepuluh kali orang akan tengok, orang akan minat, orang akan tunggu bila dikir barat akan ada lagi.
- TIF      **Pada pendapat encik, dalam bidang seni dikir barat ni dia ada Tok Juara ,Tukang Karut dan lain lain lagi, diantara 2 bidang itu ,bidang manakah yang mungkin golongan muda mudah tertarik?**
- ENY     Selain daripada *Juara* [Penyanyi Dikir Barat], Tukang Karut ini payah sedikit, susah untuk seseorang nak nak jadi Tukang Karut sebab ini merupakan ‘Tukang Pantun’. ‘Tukang Pantun’ secara spontan memang susah. Sebab dengan cepatnya dia mesti spontan contoh nya kita kata “*Assalamualaikum apa kabar adik kakok, mula-mula mari dalam kampong*” [lirik Tukang Pantun] macam macam rima-rima di belakang tu mesti, mesti tepat dengan dalam keadaan gendangnya jangan *gare* [beralih] lari *tempo* [rentak], cukup di situ memang

susah , *sapa* [sesiapa] yang dianugerah sahaja yang boleh menjadi Tukang Karut tetapi bagi *Juara* [Penyanyi Dikir Barat] orang yang memiliki vokal yang baik boleh menjadi *Juara* [Penyanyi Dikir Barat].

- |     |   |
|-----|---|
| TIF | <b>Tukang Karut yang encik segani pada waktu kini?</b>  |
| ENY | Tukang Karut -sekarang ada generasi pelapis contohnya ‘Ezri Lelayang Putih ‘, ‘Fadil Turbo’ dan kalau yang dah lama sikit ‘Cikgu Sulizi’ ,’Dollah Tok Deh’, dan ramai lagi.   |
|     |   |
| TIF | <b>Apakah pendapat Encik Megat Nordin mengenai isu dikir barat sebagai hiburan yang mungkin melalaikan dan tidak dapat diterima oleh segelintir pihak?</b>  |
| ENY | Bagi saya, dikir barat ni bukan persembahan yang boleh melalaikan kerana benda itu memang terletak pada individu-individu, kalau kita asyik dengan dikir barat sampai <i>tak</i> [tidak] tahu mana hala tujunya, memang apapun memang sesat. Tetapi dikir barat ni bukan satu persembahan yang melalaikan, kita - contohnya saya. Kita pergi berhibur, kita menghiburkan orang ataupun kita melihat persembahan orang, tapi bagi saya walaupun saya dalam panggung dikir barat tetapi hati saya di lain. Orang tengok saya <i>lenggok</i> [gaya] tetapi dalam hati saya apa yang saya <i>lenggok</i> [bergoyang]? orang tengok saya goyang tubuh (senyum) tapi selalunya saya zikir. Ini sebenarnya, ini tidak mungkin sebabnya ini saya menjadikan diri saya sebagai model kepada pendikir-pendikir lain agar jangan sesekali kita lalai walaupun macam mana kehidupan kita ,walaupun kita sebagai pendikir ataupun apa-apa pun ataupun kita sedang dikir atau pun dalam macam mana sekalipun jangan kita lalai. Sebab saya boleh buat,dalam pada dikir-dikir kita sebut SubhanAllah, SubhanAllah, SubhanAllah, Allahuakbar, Allahuakbar, ataupun LailahaillAllah, LailahaillAllah (berzikir) kita boleh dengan dikuti |

dengan gendang dikir barat, itu lebih hebat lagi.--kita goyang tubuh kita sedap,(berzikir) di samping (bunyi gendang mulut dan berzikir) tetapi manusia tidak terjumpa punca ini, jadi sebab itu saya merupakan seorang perintis--dan saya ingin jadikan diri saya sebagai model untuk dicontohi oleh semua golongan dikir barat,"tengok contoh,sebab apa orang lain tak boleh buat buat, saya boleh buat" jadi kalau saya tidak buat sapa yang nak menjadi pencetus idea yang pencetus idea ni susah sebab orang ni akan menjadikan model kepada orang lain, maka saya rasa bagi saya, saya mesti menjadi model supaya diikuti oleh semua pendikir lain supaya mereka semua menjadi baik dalam keadaan kita menghiburkan orang, kita juga merupakan seorang abdi kepada tuhan. Jangan sesekali kita menghibur tetapi kita tak tahu ke mana asal usul kita. Barulah kita mendapat *menefaat* [manfaat] kita dapat duit dalam masa yang sama kita beribadah. Sebab itu saya kata dikir barat tidak melalaikan, kalau orang tu sengaja melalaikan diri (ketawa) bukan persembahan yang melalaikan cuma dilalaikan oleh individu itu tersendiri--boleh kata kalau saya nak katakan dikir barat ni merupakan ibadah, takut orang kata melampau tetapi kalu boleh katakan ibadah sebab dalam berdikir barat kita boleh berzikir, kita boleh berzikir(gendang menggunakan mulut dan berzikir)orang kata kita ikut irama, memang kita ikut irama tu tetapi dengan diiringi dengan irama gendang tu kita berzikir-- *dua* [2] faedah,nombor *satu* [1] kita mendapat upah daripada penglibatan kita dan upah untuk kita berzikir, itu lagi baik. Sebab itu saya kata berzikir ni jugak merupakan ibadah-- tapi kita, kita pergi ke lain tempat sikit, di dalam kehidupan kita ni didalam *dua puluh empat* [24] jam menjadi ibadah macam mana nak buat? Barulah kita, tidak masa kita tidak kosong, kita isikan dengan benda-benda macam ni, Insya-Allah apabila kita isikan dengan tabiat macam ni Insya-Allah kita akan berhadapan *Malaikat Maut* [Malaikat Izrail] dalam keadaan kita bersedia.

- TIF      **Adakah encik rasa tuduhan pihak yang mengatakan bahawa dikir barat ini melalaikan itu melampau, pada pendapat encik?**
- ENY     Kemungkinan betul kata-kata mereka itu sebabnya kalau kita tengok pada zahirnya, contohnya saya katakan penyanyi-penyanyi perempuan berjoget *tak*[tidak] tentu pasal, pakaian yang mendedahkan aurat, jadi ini memang *satu* [1] benda yang cukup melalaikan pada pandangan mata kasar tetapi dalam masa yang sama kalau apa salahnya kalau sebagai mana saya katakan tadi dalam keadaan kita berdikir, kita berzikir. *Dua* [2] benda yang berbeza sebab tu kita tak [tidak] boleh katakan ada satu belah pihak yang kate betul-betul melalaikan saya pun akui betul melalaikan sekiranya kita duduk tempat mereka. Dalam keadaan yang maknanya apabila kita, saya terlibat dengan dikir barat bermaknanya dosa kita lakukan. Pergi saja [sahaja], turun daripada rumah kita, kita lakukan dosa, rambut *tak* [tidak] tutup, pakaianya seluar singkat *setakat ni* [paras atas lutut] perempuan, mana boleh. Memang dosa, tetapi kalau kita buat macam saya, kalau semua pakat buat macam saya buat, dikir merupakan ibadah. Dalam dikir ada zikir.
- TIF      **Adakah encik rasa tergugat terhadap tuduhan yang dilemparkan oleh sesetengah individu?**
- ENY     Itu bagi saya tak [tidak] ada apa-apapun, bagi saya itu terpulang kepada individu tertentu untuk macam mana buat andaian, bagi saya dikir barat adalah suatu yang baik, suatu benda yang menghiburkan tetapi kalau kena pada caranya bukan-bukan melalaikan bahkan ini merupakan satu ibadah sekiranya kita letak kena pada tempat.

- TIF      **Pada pendapat encik, bagaimanakah cara yang terbaik untuk mengekalkan seni dikir barat?**
- ENY      Jadi kita cuba kekalkan apa yang ada-- yang originality [keaslian] nya cuba kekalkan-- tetapi kalau nak di tokok tambah, kita tambah lah dengan benda-benda yang cantik, benda-benda [perkara] yang baik , jangan merosakkan seni dikir barat.
- TIF      **Pada pendapat encik, siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan dikir barat kekal di tanah negeri Kelantan dan Malaysia, adakah pendikir itu sendiri atau masyarakat di sekeliling?**
- ENY      Dia banyak. Satunya mayarakat, peminat--sekiranya tidak ada peminat, maka tidak akan bergerak dikir barat tu, *takkan* [tidak] akan ke mana kalau tidak disokong oleh peminat tetapi pendikir itu sendiri sekiranya dia buat buat sambil lewa, dia akan kehilangan peminat, dia akan kehilangan peminat. Sebab itu mesti kena dijaga sewaktu persembahan dengan disiplinnya dengan apanya cukup, supaya kita tidak kehilangan peminat.
- TIF      **Adakah encik menyokong jika rancangan-rancangan hiburan di televisyen menyiarkan tentang seni dikir barat?**
- ENY      Bagi saya, saya monyokong sebab sekiranya tidak, tidak terkeluar di dalam televisyen tentang ni kita kata, siapa yang nak kenal dikir barat--kemungkinan orangyang mengenal dikir barat adalah orang Kelantan, orang Terengganu dan orang Pahang kalau orang Sabah tetapi sekarang ni yang mereka-mereka minat ada orang Sabah ada minat, di Sarawak ada minat ekoran dari apa yang mereka tonton dalam *TV* [televisyen]. Contohnya *Karoot Media* [Karoot Komedia] yang pernah dipelopor oleh Sabri Yunus contohnya. Lepas tu, baru-baru ni, saya

sendiri terlibat dalam ‘Konsert Dikir’. Maknanya itu satu pengiktirafan kepada orang-orang dikir barat bahwasanya mereka boleh juga melakukan persembahan menyanyi dengan diiringi gendang dikir barat dan sekaligus dengan orkestra *RTM* [Radio Televisyen Malaysia]. Bermaknanya dikir itu maknanya *content* [campur] campur diantara apa tu dikir barat dengan orkestra *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] dicampurkan.

- |     |   |
|-----|---|
| TIF | <p><b>Berdasarkan kajian kami, kami ada melayari internet iaitu mengatakan bahawa encik pernah menjadi pengetua dalam rancangan TV iaitu Pentas Dikir?</b></p>  |
| ENY | <p>Pentas Dikir yang pertama saya dilantik sebagai pengetua dan alhamdulilah dengan wujudnya program, disitulah bermula bagi saya, benda yang paling baik untuk mereka-mereka kembangkan dikir barat dan di situ kita cari mereka-mereka yang betul-betul berbakat untuk kita uji, di dalam kelas kita pelihara budak ni [peserta Pentas Dikir], dalam bengkel, kita buat bengkel dan kita adakan pertandingan dan pertandingan itu dipertontonkan oleh semua masyarakat di Malaysia. Daripada situ, sesiapa yang berminat boleh masuk dan siapa-siapa yang tak tahu dikir barat boleh mengenal di pertama kali dengan dikir barat itu.</p> |
| TIF | <p><b>Bagaimana encik melihat generasi muda jadi berminat untuk join (menyertai) program itu?</b></p>   |
| ENY | <p>Sekarang ni - di sekolah-sekolah terdapat kegiatan kokurikulum jadi, tiap tiap buah sekolah setakat saya tahu, ada pembelajaran seni salah satu cabang seni dikir barat masuk dalam pembelajaran mereka, banyak sekolah-sekolah yang</p>   |

telah terlibat, sebagai contohnya saya sendiri telah menjadi jurulatih yang dilantik oleh pihak Jabatan Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan-- saya bahagian Tukang Karutnya, ‘Dollah Tok Deh’. Apabila *benda* [perkara] ni berlaku, apabila dikir barat telah mula masuk dalam sekolah-sekolah jadi, dalam 20 orang peserta mereka yang terlibat dengan dikir barat, walaupun di paksa oleh guru contohnya kita kata untuk menjadi awak-awak contohnya kita kata tetapi kemungkinan dalam dua puluh [20] orang tu ada sepuluh [10] orang yang meminati dikir barat jadi, benda ni akan *berkimbang* [berkembang] apabila mereka keluar daripada sekolah, dikir barat ni akan berkembang ke kampung-kampung. Di sinilah saya rasa dengan apa yang berlaku di sekolah-sekolah macam di pusat pengajian tinggi contohnya kita kata--baru-baru ni, telah dilantik sebagai ketua hakim semasa di *UPSI* [Universiti Perguruan Sultan Idris] pertandingan di antara universiti. Dan di situ, sampai mereka-mereka yang di pusat pengajian tinggi pun terlibat dengan dikir barat, tetiba di sini dikir barat sendirinya secara automatik telah menjadi lebih luas. Kemungkinan sikit [sedikit] lagi, semua rakyat Malaysia mengenali seni dikir barat.

- |     |  |
|-----|--|
| TIF | <b>Diantara lagu-lagu yang pernah di dengarkan pada peminat-peminat encik, lagu apa yang encik minat?</b>  |
| ENY | Lagu saya bagi saya, semua lagu saya tu sama lebih kurang bagi saya sama cuma yang mendapat bertapak di hati peminat lagu ‘Hambo Raso Berkenan’ dan lagu ‘Wakaf Che Yeh’. Lagu itu pernah menjadi Juara Carta Hit di radio THR Gegar selama <i>sebelas</i> [11] minggu berturut-turut mengatasi mereka-mereka yang buat <i>recording</i> [rakaman suara] di Kuala Lumpur walaupun <i>Siti Nurhaliza</i> [sekarang telah menjadi Datuk Siti Nurhaliza] pada tu bersaing dengan Saleem, dengan Anita Sarawak pada masa tu, lagu “Hambo Raso Berkenan” tetap berada di carta nombor satu, <i>sebelas</i> [11] minggu berturut-turut. Itu merupakan satu |

pengiktirafan rakyat Pantai Timur terhadap lagu-lagu dikir barat. Walaupun lagu yang sebaik mana pun di nyanyikan oleh sesiapa sahaja di kalangan artis-artis di Kuala Lumpur, tetapi lagu dikir barat ‘Hambo Raso Berkenan’ yang saya nyanyikan mendapat tempat yang pertama.

TIF      **Boleh kah encik menyanyikan sedikit lagu itu?**

ENY      Intro [permulaan] boleh sikit-sikit.

Baru tegok hambo raso bekene, ore jangok sereto comel [baru lihat saya terus berkenan, orangnya cantik serta comel]

(Menyanyikan sedikit lagu ‘ Hambo Raso Berkenan’)

TIF      Terima kasih Encik Nordin.

TIF      kaset tiga bahagian C sumbangan dan penganugerahan tokoh tamat

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

# **RUJUKAN**

## **RUJUKAN**

Forum, C. (2008, Oktober 16). *Kecek Pasal Dikir Barat*. Retrieved Jun 2015, from  
CariGold Forum: [dikirbarat/CariGoldForum-KecekPasalDikirarat](#)

Encik Nor-din Bin Yusof. (2015, May 14). Tokoh Dikir barat. (Tengku Isma Fadli Bin  
Tengku Ismail, Interviewer)

Saufi Addy,. (2010, May 31). *Dikir Barat - Sejarah dan Asal-usul*. Retrieved Jun 2015,  
from Addy Saufi blogspot: [/dikirbarat/DikirBarat-SejarahdanAsal-usul\\_AddySaufi](#)

Scribd. (n.d.). *Sejarah asal usul dikir barat*. Retrieved Jun 2015, from sweetycadbury:  
[dikirbarat/Sejarahasalusuldikirbaratdikelantan](#)

Cikgu Sulizi,. (2011). *Bengkel dikir barat bersama otai tersohor*. Retrieved Jun 2015,  
from [www.cikgusulizi.blogspot.com](#):  
[dikirbarat/BengkelDikir\\_motivasi..ilmu...muzik..dikir...homestay...](#)

# **LAMPIRAN**

## LOG WAWANCARA

Tengku Isma Fadhli telah menemubual ini di jalankan di ruang tamu rumah Encik Nor-Din Bin Yusof beliau di Kampong Wakaf Tanjung Chepa, Kubang Kerian, Kelantan pada 14 Mei 2015 pada jam 2.00 petang sehingga 3.30 petang menceritakan kisah dari awal pembabitan beliau dalam bidang seni dikir barat dari tahun 1980 sehingga 201

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
2.00	Bercerita tentang latar belakang beliau	Kampung Wakaf Tanjung Chepa
2.20	Berkongsi cerita berkenaan latar belakang kehidupan keluarga beliau	Encik Nordin Sekeluarga
<b>BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN AWAL DAN KERJAYA</b>		
2.30	Menceritakan tentang pendidikan awal di sekolah rendah dan sekolah menengah beliau	
2.40	Berkongsi cerita tentang suka duka didalam kerjaya beliau sebagai pendikir	
<b>BAHAGIAN 3: SUMBANGAN DAN PENGANUGERAHAN TOKOH</b>		
2.55	Menceritakan tentang anak murid beliau dan kejayaannya	Encik Muhammad Solihin
3.10	Menceritakan tentang Tokoh Dikir Barat bersama beliau	Encik Dollah Tok Deh Cikgu Sulizi
3.20	Berkongsi pengalaman bahawa dikir itu zikir dan menyanyikan lagu 'Hambo Raso Berkenan'	Encik Nordin

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
5.00 ptg – 6.00 ptg	20 April 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada tokoh untuk kali pertama. Panggilan adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah	Catatan awal dilakukan untuk proses pembuatan soalan
3.00 ptg-4.00 ptg	8 Mei 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada Encik Nordin buat kali kedua. Panggilan ini adalah untuk mengesahkan tentang temu ramah pada tarikh yang dipersetujui bersama iaitu pada 14 Mei 2015	Merpersiapkan soalan-soalan dan peralatan temu ramah
11.00 pg – 1.30 tghari	14 Mei 2015	Panggilan Telefon  Membuat panggilan telefon kepada Encik Nordin buat kali ketiga. Panggilan ini adalah untuk mengesahkan kehadiran ... ke rumah Encik Nordin.	Bergerak ke rumah Encik Nordin
2.00 ptg-3.30 ptg	14 Mei 2015	Perjumpaan pertama bersama tokoh.	Proses temuramah akan dijalankan

		<p>Perjumpaan berlaku di rumah Encik Nordin bertujuan untuk membuat temu ramah bersama beliau bagi menyelesaikan hasil temu ramah.</p>	
--	--	--	--

## **SENARAI SOALAN**

### Latar belakang

1. Apakah nama penuh encik?
2. Apakah nama samaran encik yang biasa dipanggil oleh orang-orang disekeliling encik?
3. Berapakah umur encik sekarang dan bila tarikh kelahiran encik?
4. Apakah pekerjaan encik?
5. Selain itu, apakah pekerjaan lain yang encik lakukan?
6. Di manakah tempat kelahiran encik?
7. Adakah encik dibesarkan di Kelantan?
8. Berapakah bilangan adik beradik encik dan encik anak yang keberapa?
9. Adakah encik sudah berkahwin?
10. Apakah nama isteri encik?
11. Isteri encik berasal dari mana?
12. Pada tahun bilakah encik berkahwin?
13. Berapakah umur isteri encik?
14. Apakah pekerjaan isteri encik?
15. Adakah encik sudah mempunyai anak?
16. Berapa orangkah anak encik?
17. Apakah nama mereka dan umur sekarang?
18. Mereka belajar di mana sekarang?
19. Adakah mereka tinggal bersama encik dan isteri?
20. Apakah nama ibu dan bapa encik?
21. Ibu bapa encik lahir di mana?

22. Dimanakah mereka tinggal?
23. Berapakah umur mereka sekarang?
24. Apakah hobi encik di waktu lapang?
25. Adakah encik mempunyai sebarang makanan dan minuman kegemaran?
26. Apakah cita-cita sebenar encik?
27. Adakah encik mempunyai idola dan mengapa?
28. Apakah pengalaman yang paling istimewa dalam hidup encik?
29. Apakah pengalaman yang paling pahit dalam hidup encik?
30. Apakah prinsip hidup encik?
31. Adakah encik mempunyai bakat lain selain daripada bidang ini?
32. Apakah matlamat hidup encik?
33. Adakah encik selalu menghabiskan waktu lapang bersama ahli dikir encik?

### **Pendidikan awal dan kerjaya**

34. Dimanakah encik mendapat pendidikan sekolah rendah?
35. Dimanakah encik mendapat pendidikan sekolah menengah?
36. Apakah subjek yang paling encik gemari sewaktu di bangku sekolah?
37. Adakah encik pernah memegang sebarang jawatan semasa di sekolah?
38. Sekiranya encik tidak kisah, bolehkah encik kongsikan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?
39. Adakah encik melanjutkan pelajaran selepas tamat sekolah menengah?
40. Apakah pekerjaan encik selepas tamat zaman persekolahan?
41. Kita beralih pula kepada bidang kerjaya encik, apakah pekerjaan encik sekarang?
42. Pada tahun berapakah encik mula berkecimpung dalam bidang dikir barat dan sudah berapa lama?
43. Dari manakah datangnya minat encik untuk bergiat dalam bidang ini?
44. Sejak bilakah encik mula menyedari tentang minat dalam bidang ini?
45. Siapakah antara orang yang menyokong encik sehingga ke hari ini?
46. Pernahkah encik menerima apa-apa tentangan atau halangan sepanjang bergiat dalam bidang ini?
47. Bolehkah encik kongsikan kenangan manis sepanjang encik bergiat dalam bidang ini?
48. Bagaimana pula dengan kenangan pahit semasa didalam bidang ini?
49. Berdasarkan kajian kami melalui internet kami dapati encik ada berguru dengan beberapa orang yang berpengalaman dalam bidang ini, jadi bolehkah encik nyatakan siapakah mereka tersebut?

50. Dimanakah lokasi encik selalu berlatih Seni dikir barat tersebut?
51. Tempat yang mana menjadi kesukaan encik untuk membuat persembahan Dikir Barat?
52. Berapakah bayaran yang dikenakan bagi setiap jemputan sebagai tok juara dikir barat yang encik hasilkan?
53. Nilai paling tinggi yang encik pernah perolehi bagi jemputan menjadi Tok Juara Dikir Barat?
54. Bagi menambahkan ilmu dan pengalaman dalam bidang ini, adakah encik pernah menghadiri seminar ataupun bengkel?
55. Pernahkah encik bekerjasama dengan individu lain dalam bidang seni dikir barat ?
56. Adakah sesiapa didalam kalangan keluarga encik yang turut mengikut jejak langkah encik dalam bidang ini?
57. Adakah encik galakkan anak-anak encik untuk turut terbabit dalam bidang ini?
58. Adakah encik mempunyai anak murid atau pelajar?
59. Adakah terdapat organisasi yang menghantar pelajar atau pelatih mereka kepada encik?
60. Adakah encik mengambil bayaran ataupon yuran terhadap pembelajaran tersebut?
61. Pada pendapat encik, berapa lama masa di ambil untuk seseorang mempelajari seni dikir barat ini?
62. Apakah yang encik sentiasa lakukan bagi memuaskan hati penonton yang melihat Seni Dikir Barat ?
63. Untuk mempromosikan diri encik dalam bidang dikir barat dan perniagaan encik, adakah encik menggunakan medium tertentu untuk dikenali ramai?

64. Adakah encik pernah membuat persembahan Dikir Barat di luar Negara?
65. Apa rahsia kejayaan encik dalam bidang dikir barat ini sehingga mendapat gelaran Tokoh Dikir Barat ?
66. Selain daripada persembahan dikir barat, apakah bidang lain yang encik ceburi?
67. Encik ada mnyertai pertandingan nyanyian setakat ini?
68. Apakah encik mendapat tempat dalam pertandingan tersebut?
69. Apakah genre lagu yang encik selalu nyanyikan?
70. Apakah encik minat untuk membuat album sendiri?
71. Adakah encik di tawarkan menjadi artis rakaman setakat ini?
72. Bagaimakah encik menguruskan masa encik?
73. Adakah encik ada di tawarkan untuk membuat persembahan di luar negeri selain Kelantan?
74. Adakah encik menerima tawaran tersebut?

### **Sumbangan dan penganugerahan**

75. Adakah encik terlibat atau menyertai dalam apa-apa persatuan yang berkaitan dengan bidang Seni Dikir Barat?
76. Apakah jawatan encik dalam setiap persatuan tersebut?
77. Apakah peranan yang dipegang oleh encik?
78. Pernahkah encik terfikir untuk menerbitkan buku berkaitan dengan bidang Seni Dikir Barat?
79. Adakah terdapat ahli keluarga lain yang berkecimpung dalam seni dikir barat ini sehingga timbul minat untuk belajar dikir barat?
80. bagaimanakah boleh timbul minat untuk menyambung atau mengekalkan seni dikir barat ini?
81. Berdasarkan penglibatan encik dalam persatuan dan juga penghasilan karya-karya encik, apakah sumbangan yang encik rasakan paling besar?
82. Pernahkah encik menerima pengiktirafan dalam Negara dan luar Negara diatas penglibatan encik dalam bidang seni dikir barat ini?
83. Encik telah diberi pengiktirafan atas kepakaran dan juga atas karya, bolehkah encik ceritakan pengiktirafan tersebut?
84. Siapakah yang mengiktiraf encik atas kepakaran encik dalam bidang seni dikir barat ini?
85. Bilakah encik diiktiraf?
86. Adakah ahli seni dikir barat lain diiktiraf juga?

87. Berdasarkan semua pengiktirafan yang encik terima, apakah pengiktirafan yang paling membanggakan encik?
88. Bolehkah encik berikan pendapat tentang penglibatan generasi masa kini dalam bidang seni dikir barat?
89. Pada pandangan encik, adakah generasi masa kini berminat untuk menceburi atau mempelajari seni dikir barat?
90. Sebagai seorang yang sudah berpengalaman dalam bidang ini, apakah nasihat encik pada generasi muda tentang betapa pentingnya Seni Dikir Barat pada Negara?
91. Adakah golongan muda di dedahkan dengan dikir barat secara meluas pada zaman kini?
92. Bagaimana cara encik megat cuba menarik minat golongan muda dan apakah cabaran yang di hadapi?
93. Apakah contoh aktiviti yang dilakukan untuk menarik minat golongan muda?
94. Adakah sentiasa mendapat undangan untuk sebarang majlis?
95. Apakah pendapat En megat mengenai isu dikir barat sebagai hiburan yang mungkin melalaikan dan tidak dapat di terima oleh segelintir pihak?
96. Apakah cara yang boleh dilakukan untuk membuktikan bahawa hiburan ini tidaklah melalaikan?
97. Adakah tuduhan ini melampau pada pendapat encik?
98. Adakah encik merasa tergugat terhadap tuduhan yang di lemparkan oleh sesetengah individu ini?
99. Pada pendapat bagaimakah cara terbaik untuk mengekalkan seni dikir barat ini?

100. Pada pendapat encik, Siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan seni dikir ini masih di teruskan?
101. Adakah encik menyokong jika rancangan-rancangan hiburan di televisyen menyiarkan tentang seni dikir barat?



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan.....Enclik Nor-din Bin Yusoff.....  
Pada ..14.. mei 2015 .....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

  
Pengkisah (Tokoh)

.....  
Dr. Mohd Nasir Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

## LAMPIRAN 1



Ketika menyertai Kilauan Emas 4



Ketika memenangi anugerah Cabaran 30 Hari Nestle Omega Plus dalam pertandingan  
Kilauan Emas



Bersama finalis Kilauan Emas 4



Semasa menghiburkan peminat pada tahun 1999



Mendendangkan lagu dalam pertandingan Kilauan Emas 4

## LAMPIRAN 2

<b>BORANG PENYERTAAN BENGKEL DIKIR BARAT BERSAMA OTAI TERSOHOR</b>	
<b>NAMA :</b>	
<b>NO I/C :</b>	
<b>NO H/P :</b>	<b>EMAIL :</b>
<b>PEKERJAAN :</b>	
<b>UMUR :</b>	<b>JANTINA :</b>
<b>BANGSA :</b>	<b>AGAMA :</b>
<b>ALAMAT :</b>	
<b>PILIHAN SIRI BENGKEL :</b>	
*Sila tandakan (X) pada pilihan di bawah	
Siri 1 (28, 29 dan 30hb. Mac 2012) (Cuti Persekolahan)	( )
Siri 2 (25, 26 dan 27hb. April 2012)	( )
Siri 3 (30, 31 Mei dan 1hb. Jun 2012) (Cuti Persekolahan)	( )
Siri 4 (29, 30 dan 31hb. Ogos 2012)	( )
Siri 5 (26, 27 dan 28hb. Sept. 2012)	( )
<b>SAIZ T-SHIRT :</b> S, M, L, XL dan XXL *sila tandakan pilihan anda ( )	
<b>PENGANGKUTAN :</b>	
*Sila tandakan (X) pada pilihan di bawah	
<b>KENDERAAN SENDIRI</b>	( )
<b>BAS</b>	( )
<b>KAPAL TERBANG</b>	( )
<b>*Borang penyertaan yang telah siap diisi bolehlah diemailkan kepada <a href="mailto:sulizi_slz@yahoo.com">sulizi_slz@yahoo.com</a> ataupun difaks ke nombor 09-6903433 ataupun diposkan ke alamat SLZ PRODUCTION, No.2 Aras 1, Bazar MDB, 22200, Jerteh , Terengganu</b>	

Contoh borang menyertai bengkel dikir barat bersama En. Nor-din Yusof

LAMPIRAN 3

**JADUAL AKTIVITI PENGISIAN**

**BENGKEL DIKIR BARAT**

**BERSAMA OTAI TERSOHOR**

**CIKGU SULIZI, HALIM YAZID & MEGAT NORDIN**

Hari	8.00 pg – 10.00 pg	10.00 pg – 12.30 tgh	12.30 ptg – 2.30 ptg	2.30 ptg – 4.30 ptg	5.00 ptg – 7.00 ptg	8.30 mlm – 10.30 mlm
KHAMIS		Pendaftaran Peserta		Pengenalan& Asas Kemahiran Bermain Alat Muzik	Ice Breaking & Rekreasi	Etika & Seni Persembahan Dikir Barat
JUMAAT	Asas Ilmu Tok Jogho & Awok-Awok	Asas Ilmu Tukang Karut & Penyanyi	Makan & Solat	Asas Lagu- Lagu Tukang Karut	Sukan & Rekreasi	Amali Persembahan Dikir Barat
SABTU	Amali Menulis Skrip Dikir Barat	Amali Hakim Pertandingan Dikir Barat	Makan & Solat	<b><i>Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kepada Peserta</i></b>		

Jadual aktiviti bengkel dikir barat bersama otai dikir barat

#### LAMPIRAN 4



Gambar bersama tokoh (En. Nor-din Yusoff)

## INDEKS

### A

Asal 14, 18, 29, 44  
Akal 27, 40  
Anak 14, 17, 18, 22, 27, 30, 31, 34, 35, 36  
Abdi 23, 46

### B

Bidang 16, 19, 25, 26, 29, 33, 36, 37, 42, 43, 45  
Biasiswa 24  
Barat 13, 16, 17, 19, 20, 22, 25  
Bantuan 24  
Bayaran 28, 32, 36

### C

Cita-cita 19, 59  
Cakera padat 31, 32, 44  
Cabang seni 49

### D

Dahil 27  
Dikir 14, 16, 17, 19, 20, 21, 22, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 33, 34, 35, 36, 37, 39, 41, 42, 43, 45, 46, 48, 50  
Dosa 47  
Dekat 22

### P

Pendikir 19, 20, 27, 31, 36, 41, 46, 48, 56  
Persembahan 13, 28, 30, 31, 32, 33, 35, 38  
Panggung 46  
Penyanyi 11, 17, 25, 27, 28, 29, 30, 33, 34, 41, 42, 43, 45, 47  
Pahlawan 40  
Pantun 13, 70

### S

Seni 13, 16, 17, 27, 29, 31, 32, 36, 37, 39, 41, 42, 43, 45, 48, 49, 50  
Suara 13, 20, 23, 26, 27, 32, 42, 43, 45, 50

### T

Tradisional 13  
Tukangjuara 11, 26  
Tokoh 34, 36, 37, 39, 51  
Tindas 40